

Sukarelawan Kuin sertai misi bantuan

Beri sokongan moral kepada mangsa banjir di Kelantan



Mohd Yusof (tengah) bersama sukarelawan berkumpul sebelum memulakan misi kemanusiaan ke Kelantan.

KUALA KETIL - Seramai 50 sukarelawan terdiri pelajar dan kakitangan Kolej Universiti Insaniah (Kuin) menyertai misi bantuan mangsa banjir di Kelantan.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) Kuin, Dr Rohani Desa berkata, pihaknya bersama Majlis Perwakilan Mahasiswa Kuin memulakan misi tiga hari itu untuk memberi sokongan moral.

"Bantuan ini diharap dapat membantu

meringankan beban saudara kita yang terjejas akibat banjir. Mereka memerlukan sokongan moral dan material untuk kembali bangkit," katanya selepas majlis pelepasan sukarelawan di hadapan bangunan canselori Kuin.

Hadir sama, Rektor Kuin, Datuk Mohd Yusof Kasim.

Menurutnya, misi berkenaan turut membawa barangan keperluan untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan.